

21 MAY 2001

MTUC-KWSP

TOKOH KORPORAT MINTA BANTUAN KEWANGAN KWSP UNTUK SELAMATKAN SYARIKAT

IPOH, 21 Mei (Bernama) -- Beberapa tokoh korporat yang mempunyai aset dan wang bernilai berbilion ringgit meminta bantuan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi menyelamatkan syarikat mereka yang "sakit".

Perkara ini didedahkan oleh Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Senator Datuk Zainal Rampak yang mendakwa terdapat lebih daripada lima permohonan telah dikemukakan kepada KWSP.

Katanya tokoh-tokoh korporat masih meminta bantuan KWSP walaupun mereka mempunyai aset sehingga RM1 bilion dan ini tidak sepatutnya berlaku.

"Saya sudah memberi taklimat kepada Perdana Menteri dan beliau mengetahui siapa yang meminta bantuan kewangan itu. Dr Mahathir juga sudah menulis surat kepada saya menyatakan wang KWSP tidak boleh disalah guna," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan malam MTUC Perak di sini malam tadi.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Pembangunan Belia dan Sukan Negeri Datuk Jamal Nasir Rasdi.

Zainal berkata MTUC akan menubuhkan jawatankuasa pemantauan yang akan mengkaji kes-kes serius ini dan kes lain selain mengawasi pengurusan tabung KWSP bagi mengelak salah guna.

"Satu laporan akan disediakan selepas tiga bulan pembentukan jawatankuasa itu yang akan membabitkan para pegawai MTUC dan ahli ekonomi. Laporan itu akan dikemukakan kepada kerajaan untuk tindakan," katanya.

Selain itu, Zainal berkata kira-kira 90,000 pekerja elektronik di negara ini dijangka diberhentikan menjelang akhir tahun ini berikutan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat.

"Akibat masalah ekonomi ini, beberapa syarikat multinasional mungkin mengubah operasi masing-masing ke negara lain bagi mengurangkan kos terutama kos buruh," katanya.

Zainal berkata sesetengah syarikat sudah memindahkan sebahagian daripada operasi mereka ke negara lain walaupun mereka masih beroperasi di Malaysia.

"Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna patut menemui para pelabur ini terutama pelabur asing bagi memujuk mereka mengekalkan operasi di negara ini," kata Zainal.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri untuk menambah penyertaan bukan Bumiputera dalam perkhidmatan awam, Zainal berkata MTUC bersetuju dengan Dr Mahathir kerana ia boleh mewujudkan komposisi kaum yang seimbang yang akan memberi manfaat kepada negara dalam tempoh jangka masa panjang.

"Kurangnya minat bukan Bumiputera untuk menyertai perkhidmatan awam adalah kerana gajinya yang rendah. Itu sebab kita memperjuangkan gaji minimum untuk pekerja yang boleh mengatasi ketidakseimbangan dalam perkhidmatan awam," katanya.

Zainal berkata kerajaan bersetuju secara dasarnya dengan sistem itu dan kini sedang membincangkan mengenai gaji minimum RM900 sebulan daripada cadangan asal sebanyak RM1,200 sebelum ini yang mendapat tentangan sektor korporat.

-- BERNAMA

KAY LAT